



## KENYATAAN MEDIA

### **PERMULAAN PERSEKOLAHAN BAGI TAHUN AKADEMIK 2022: PELAJAR-PELAJAR YANG BERVAKSINASI DAN YANG BELUM MENDAPAT VAKSINASI SERTA PELAJAR-PELAJAR YANG HENDAK MENUNTUT DI LUAR NEGARA**

**Khamis, 30 Disember 2021** – Sebagaimana yang kita sama-sama maklumi, sesi pengajaran dan pembelajaran peringkat pertama fasa endemik akan bermula pada hari Isnin, 30 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 03 Januari 2022 bagi pelajar-pelajar Tahun 10 hingga Tahun 13 secara fizikal sebanyak lima (5) kali dalam seminggu manakala bagi pelajar-pelajar Tahun 7 hingga Tahun 9, dijangka bermula pada peringkat kedua fasa endemik iaitu pada 14 Jamadilakhir 1443 bersamaan 17 Januari 2022 nanti.

Walau bagaimanapun, bagi kedua-dua peringkat ini, keutamaan kehadiran di sekolah-sekolah secara bersemuka hanyalah untuk pelajar-pelajar yang telah lengkap divaksinasi. Sementara bagi pelajar-pelajar yang berumur 12 tahun hingga 17 tahun serta pelajar-pelajar Tahun 7 yang belum mencapai umur 12 tahun dan belum menerima vaksinasi, pengajaran dan pembelajaran akan diteruskan melalui kaedah dalam talian atau diberikan *Home Learning Pack* (HLP) agar para pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran mereka.

Di kesempatan ini, pihak Kementerian Pendidikan ingin menyeru ibu bapa dan penjaga kepada pelajar-pelajar yang masih belum menerima vaksin untuk membawa pelajar berkenaan ke pusat-pusat vaksinasi yang berdekatan untuk divaksinasi demi sama-sama memastikan proses pembelajaran para pelajar secara fizikal serta kesinambungan dan kelancaran persekolahan mereka dapat dijalankan secara lebih teratur.

Selain memastikan keselamatan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan juga ingin memastikan keselamatan dan hal ehwal kebijakan pelajar-pelajar yang berada di luar negara terjaga. Sehubungan itu, pelajar-pelajar yang akan membuat perjalanan ke luar negeri atas tujuan pengajian, bermula 1 Januari 2022, adalah dikehendaki untuk melengkapkan pendaftaran di Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sebelum membuat perjalanan ke luar negara.

Dalam keadaan negara yang masih bergelut dengan gelombang pandemik kali kedua ini, Kementerian Pendidikan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama para guru, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan yang lain dalam sama-sama memastikan pembelajaran anak-anak dapat berjalan dengan baik meskipun berhadapan dengan beberapa cabaran.

Kementerian Pendidikan yakin dan berharap semangat kecemerlangan para pelajar, guru-guru dan ibu bapa dalam menghadapi situasi yang tidak menentu ini akan berterusan terutama sekali apabila kita melangkah ke fasa endemik dan norma baru bagi sesi persekolahan Tahun 2022.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/103

Tarikh: 25 Jamadilawal 1443H / 30 Disember 2021